




MAJLIS PERBANDARAN KLANG


PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2021-2025



Pendigitalan Pemacu Perbandaran Mampan dan Pintar

RINGKASAN EKSEKUTIF



ISI KANDUNGAN

Perutusan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang

Kata Aluan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Majlis Perbandaran Klang

Bingkisan Kata Pengarah Teknologi Maklumat

PENGENALAN

7

**PENDEKATAN
PROJEK**

8

**STRUKTUR TADBIR
URUS JAWATANKUASA
PSP MPKLANG**

10

**VISI DAN MISI
PENDIGITALAN**

11

**TERAS STRATEGIK
PENDIGITALAN**

12

**TERAS STRATEGIK
DAN OBJEKTIF
PENDIGITALAN**

13-14

**RINGKASAN TERAS STRATEGIK,
STRATEGI DAN PROGRAM
PENDIGITALAN**

15

**TERAS
STRATEGIK 1-5**

16-20

**PELAN
PELAKSANAAN**

21-43

FAKTOR KRITIKAL

44

PENUTUP

45



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT atas kejayaan penghasilan Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Perbandaran Klang (PSP MPKlang) 2021-2025.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat di atas usaha gigih dan komitmen dalam menjayakan pembangunan pelan ini. Saya percaya pelbagai dugaan dan cabaran yang telah ditempuhi, namun ianya tidak mematahkan semangat ahli pasukan sehinggalah terhasilnya dokumen PSP MPKlang.

Pelaksanaan PSP MPKlang 2021-2025 ini akan memberi manfaat besar kepada pelanggan yang berhubung secara langsung dengan MPKlang. Manakala bagi pihak MPKlang pula, ia dapat mengoptimumkan sumber, mengembangkan operasi dan menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam perkhidmatan yang disediakan.

Dengan adanya PSP ini adalah diharapkan supaya perancangan pendigitalan di MPK dapat dilaksanakan secara menyeluruh selaras dengan visi pendigitalan MPK iaitu "Pendigitalan Pemacu Perbandaran Mampan dan Pintar".
Sekian, terima kasih.

**TPR. HAJAH NORAINI BINTI ROSLAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG**





KATA ALUAN

KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO) MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Syukur ke hadrat ilahi di atas limpah kurnia dan izin-Nya Pelan Strategik Pendigitalan Majlis Perbandaran Klang (PSP MPKlang) 2021-2025 dapat dibangunkan dan dibukukan dengan jayanya.

Perancangan yang teliti dan strategik melalui pembangunan PSP ini menjadi kunci kejayaan dalam pembangunan dan menambah baik perkhidmatan digital, pembangunan infrastruktur dan keselamatan digital, tadbir urus ICT dan pembudayaan pendigitalan.

Majlis Perbandaran Klang (MPK) dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor yang lain telah mengambil inisiatif untuk membangunkan PSP secara bersama dengan kerjasama pasukan Perunding ICT daripada MAMPU bagi memperkasakan pendigitalan di peringkat PBT masing-masing. Pemerkasaan dan pengukuhan proses pendigitalan yang digariskan di dalam PSP ini mampu membawa perubahan kepada sistem penyampaian perkhidmatan PBT khususnya di Klang dan seterusnya berupaya mengubah budaya masyarakat dalam berurusan dengan MPKlang.

Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menggembleng tenaga dan memberi kerjasama erat dalam menghasilkan PSP MPKlang 2021-2025 meski pun kita menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan termasuk isu pandemik Covid-19 dalam tempoh membangunkan pelan ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kerana memberi kepercayaan kepada saya sebagai Pengarah Projek PSP kali ini dan besarlah harapan saya agar semua warga MPKlang dapat menggunakan pelan strategik ini untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan MPKlang memenuhi keperluan dan ekspektasi pelanggan.

ELYA MARINI BINTI DARMIN

SETIAUSAHA / KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)
MAJLIS PERBANDARAN KLANG





BINGKISAN KATA

PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana memberi peluang kepada Pasukan Projek PSP MPKlang untuk menjayakan pembangunan PSP MPKlang untuk tempoh lima tahun dari 2021 hingga 2025 dengan kerjasama Pasukan Perunding ICT MAMPU.

Segala dugaan dan cabaran dalam usaha menjayakan pembangunan PSP ini dapat diharungi di atas semangat berpasukan dan komitmen semua pihak yang terlibat daripada peringkat pengurusan atasan, pengurus domain ICT, pemilik proses dan peringkat kakitangan sebagai pengguna dan penyampai perkhidmatan ICT kepada pelanggan.

Pelaksanaan PSP MPKlang ini amat penting untuk dijadikan panduan di dalam melaksanakan projek-projek pendigitalan perkhidmatan MPKlang menjelang tahun 2025. Strategi pendigitalan yang akan dilaksanakan adalah selaras dengan visi dan misi PSP MPKlang 2021-2025 yang diterjemahkan melalui lima Teras Strategik Pendigitalan iaitu Pemerkaasan Perkhidmatan Digital Bersepadu Dan Mampan, Pengukuhan Infrastruktur ICT Dan Adaptasi Teknologi Digital, Perkasaan Perkhidmatan dan Pematuhan Keselamatan Digital, Tadbir Urus Digital Dinamik dan Tangkas, Pemantapan Kompetensi dan Pembudayaan Digital yang telah diajarkan dengan Teras Strategik MPKlang.

Akhir kata, saya selaku pengurus projek amat bersyukur kerana PSP ini dapat dibangunkan dan seterusnya PSP yang mengandungi pelan perancangan yang komperefensif sebagai kesinambungan dalam pemerkaasan pendigitalan perkhidmatan MPKlang diharap dapat dilaksanakan dan mencapai matlamat.

NOR HASYIMAH BINTI TAMZIZ
PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT
MAJLIS PERBANDARAN KLANG



Pengenalan

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) adalah pelan atau blueprint yang mengandungi hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan yang memberi panduan dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan ICT selaras dengan keperluan pendigitalan Majlis Perbandaran Klang (MPKlang) untuk tempoh lima tahun akan datang. Pelan ini juga berperanan dalam mengenal pasti keperluan perkhidmatan digital berpaksikan pelanggan, keraaan, aplikasi dan data, infrastruktur ICT, tadbir urus ICT dan keupayaan ICT.

MPKlang melalui Jabatan Teknologi Maklumat telah membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Majlis Perbandaran Klang (MPKlang) bagi tempoh 2021 hingga 2025 bersama-sama 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor dengan Kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang merupakan usaha memperkasakan pendigitalan MPKlang sebagai barisan hadapan kerajaan kepada rakyat.

PSP MPKlang 2021-2025 ini merupakan Pelan Strategik ICT yang keempat sejak pertama kali dibangunkan pada tahun 2006. PSP ini direalisasikan dengan sokongan dan input daripada pihak pengurusan atasan, wakil domain yang terlibat dan pemegang taruh untuk menjadi satu dokumen rujukan dan garis panduan lengkap dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan projek-projek pendigitalan di MPKlang secara lebih terancang bagi tempoh lima tahun.

Fokus utama di dalam PSP MPKlang 2021-2025 melibatkan lima teras strategik pendigitalan iaitu Pemerksaan Digital Bersepadu Dan Mampan, Pengukuhan Infrastruktur ICT Dan Adaptasi Teknologi Digital, Pemerksaan Perkhidmatan Dan Pematuhan Keselamatan Digital, Tadbir Urus Digital Dinamik dan Tangkas dan Pemantapan Kompetensi dan Pembudayaan Digital.

PENDEKATAN PROJEK


Metodologi bagi pembangunan PSP MPKlang 2021-2025 berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT iaitu Metodologi MyGovDS yang dibangunkan oleh MAMPU seperti dalam **Rajah 1.2**.




Rajah 1.1 Metodologi MyGovDS

Aktiviti Utama Pembangunan PSP


1. Menilai persekitaran semasa perkhidmatan dan ICT
2. Membangunkan hala strategik pendigitalan
3. Mengenal pasti perkhidmatan yang ditawarkan berasaskan penyelesaian end-to-end dan keperluan pelanggan
4. Mengenal pasti data yang terlibat dalam ekosistem perkhidmatan yang ditawarkan
5. Mengenal pasti integrasi aplikasi dalam dan luaran
6. Membangunkan pelan pelaksanaan pendigitalan
7. Menyedia dokumen Pelan Strategik Pendigitalan MPKlang




Pembangunan PSP MPKlang 2021-2025 adalah sejajar dengan aktiviti pembangunan Enterprise Architecture (EA) berdasarkan metodologi MyGovEA Peringkat 2: Penilaian (As-Is) dan Peringkat 3: Penakrifan (To-Be) yang menghasilkan motivasi perubahan perkhidmatan (motivation view), arkitekture bisnes, data, aplikasi dan teknologi seperti dalam **Rajah 1.2**





Rajah 1.2 Metodologi MyGovEA





STRUKTUR TADBIR URUS JAWATANKUASA PSP MPKLANG





VISI DAN MISI PENDIGITALAN MPKLANG


Hala tuju pendigitalan ini diperjelaskan menerusi pernyataan Visi dan Misi Pendigitalan. Hala tuju strategik pendigitalan ini bertujuan menyokong perancangan strategik MPKlang dalam memberikan perkhidmatan berkualiti cekap serta memenuhi kehendak pemegang taruh dan pelanggan.

Visi

**PENDIGITALAN PEMACU
PERBANDARAN MAMPAN DAN PINTAR**

Misi

**MEMANTAPKAN PELAKSANAAN
PENDIGITALAN PERBANDARAN PINTAR
BAGI MENINGKATKAN KUALITI
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**



TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN MPKLANG

MPKlang telah menetapkan lima teras strategik pendigitalan bagi memacu hala tuju pendigitalan dalam menentukan perancangan, strategi pembangunan dan pelaksanaan projek-projek ICT sepanjang tempoh 2021 sehingga 2025.



01

**PEMERKASAAN
PERKHIDMATAN DIGITAL
BERSEPADU DAN MAMPAN**



02

**PENGUKUHAN
INFRASTRUKTUR DAN
ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL**



03

**PEMERKASAAN PERKHIDMATAN
DAN PEMATUHAN
KESELAMATAN DIGITAL**




04

**TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK
DAN TANGKAS**



05

**PEMANTAPAN KOMPETENSI
DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL**



TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF PENDIGITALAN

1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN MAMPAN

OBJEKTIF

Memperkukuh perkhidmatan digital selaras dengan kemunculan teknologi baharu (*emerging technologies*)

Melebar luas kepintaran data dalam menghasilkan perkhidmatan yang memberi nilai

2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

OBJEKTIF

Memperkukuh infrastruktur digital untuk menyokong keberkesanan penyampaian perkhidmatan selaras dengan perkembangan teknologi terkini

Memantapkan liputan perkhidmatan dan keupayaan rangkaian bagi menyokong inisiatif teknologi digital


3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL

OBJEKTIF

Memperkasa keselamatan digital bagi menjamin kerahsiaan, integriti dan ketersediaan maklumat

Menjamin kesinambungan perkhidmatan digital dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT



TERAS STRATEGIK DAN OBJEKTIF PENDIGITALAN

4

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

OBJEKTIF

Memperkuh tadbir urus digital dalam menerajui program pendigitalan dengan hala tuju strategik MPKlang

Memantapkan dasar dan prosedur digital bagi meningkatkan kawalan serta keberkesanan perkhidmatan


5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

OBJEKTIF

Mengoptimumkan teknologi digital bagi memantapkan kemahiran dan budaya digital warga MPKlang

Mengoptimumkan penglibatan komuniti/ penduduk dalam penyampaian perkhidmatan dengan meluaskan medium komuniti pintar



RINGKASAN TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN



T1 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN MAMPAN

S1 Pemeraksanaan Perkhidmatan Digital Berpacukan Teknologi Baharu **8 Program**

S2 Pemeraksanaan Kepintaran Data Dalam Penyampaian Perkhidmatan Digital

T2 PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

S1 Pengukuhan Perkhidmatan Rangkaian ICT

S2 Pemantapan Adaptasi Teknologi Digital **8 Program**

S3 Pemantapan Infrastruktur Digital

T3 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL

S1 Pemeraksanaan Perkhidmatan Digital Berpacukan Teknologi Baharu **6 Program**

S2 Pemeraksanaan Kepintaran Data Dalam Penyampaian Perkhidmatan Digital

T4 TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

S1 Pemantapan Pengurusan Tadbir Urus Digital **8 Program**


S2 Pengukuhan Perkhidmatan Keselamatan ICT

T5 PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

S1 Pemantapan Kemahiran dan Budaya Digital MPK **13 Program**

S2 Pemantapan Pengurusan Perubahan Keupayaan Digital

S3 Pemeraksanaan Budaya Digital Dalam Komuniti/Peduduk



**PEMERKASAAN
PERKHIDMATAN
DIGITAL BERSEPADU
DAN MAMPAN**

TERAS STRATEGIK 1

STRATEGI 1


01 **Pemeriksaan
Perkhidmatan Digital
Berpacuan Teknologi
Baharu**

- 1 Kajian Penilaian Keberkesanan/
Penggunaan Sistem Aplikasi
- 2 Pembangunan Sistem
Penyampaian Perkhidmatan
Digital Baharu
- 3 Menaiktaraf Sistem Sedia Ada
- 4 Perluasan Perkhidmatan Digital
Tanpa Tunai
- 5 Pemeriksaan Teknologi
Pendigitalan Sistem
Penyampaian Perkhidmatan E2E
(End-to-End)

STRATEGI 2

02 **Pemeriksaan
Kepintaran Data Dalam
Penyampaian
Perkhidmatan Digital**

- 1 Pembangunan Analitis Data
Raya
- 2 Penyelarasan dan
Penyeragaman Data Asas
Pelanggan Bersepadu
- 3 Pembangunan Inisiatif Data
Terbuka



PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

TERAS STRATEGIK 2

STRATEGI 1

01 Pengukuhan Perkhidmatan Rangkaian ICT

- 1 Penaiktarafan Infrastruktur Sistem Rangkaian Komputer
- 2 Pengukuhan Pengurusan Talian Internet Dan Data
- 3 Penilaian Prestasi Sistem Rangkaian ICT

STRATEGI 2

02 Pemantapan Adaptasi Teknologi Digital

- 1 Kajian Keperluan Adaptasi Teknologi Baharu (Emerging Technologies)
- 2 Adaptasi Penggunaan Infrastruktur Digital Berteknologi Baharu

STRATEGI 3

03 Pemantapan Infrastruktur Digital

- 1 Penyediaan Perkakasan Dan Perisian ICT Selaras Dengan Teknologi Terkini
- 2 Penilaian Prestasi Peralatan Dan Perisian ICT
- 3 Pelaksanaan Pelupusan Aset ICT

PEMERKASAAN
PERKHIDMATAN
DAN PEMATUHAN
KESELAMATAN
DIGITAL

TERAS STRATEGIK 3

STRATEGI 1

01

Pengukuhan Kawalan Keselamatan Digital

1

Pemantauan dan Kawalan Keselamatan Perkhidmatan Digital

2

Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Digital

3

Pemantauan dan Kawalan Keselamatan di Kawasan Pentadbiran MPKlang

STRATEGI 2

02

Pengukuhan Perkhidmatan Keselamatan Digital

1

Pengukuhan Pusat Data

2

Pengukuhan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)

3

Pembangunan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

TERAS STRATEGIK 4

STRATEGI 1


01 Pemantapan Pengurusan Tadbir Urus Digital

- 1 Pengurusan Perkhidmatan Tadbir Urus Digital
- 2 Rasionalisasi Penstrukturan Organisasi JTM
- 3 Penyemakan Semula MyPortfolio Kakitangan ICT
- 4 Penguatan Kemajuan Kerjaya Personel Pendigitalan

STRATEGI 2

02 Penguatan Dan Penguatkuasaan Dasar dan Prosedur Digital

- 1 Penyediaan Prosedur Dan Garis Panduan Baharu
- 2 Penyemakan Semula Ke atas Prosedur Dan Garis Panduan Sedia Ada
- 3 Pelaksanaan Kawalan dan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT
- 4 Pelaksanaan Audit Pensijilan



PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 1

01 Pemantapan Kemahiran dan Budaya Digital Warga MPK

- 1 Pembangunan Pelan Latihan ICT Yang Komprehensif
- 2 Pemantapan Kemahiran Dan Kepakaran Kepada Warga Kerja Teknikal ICT Melalui Latihan
- 3 Pemantapan Kemahiran dan Kepakaran Warga Kerja MPKlang
- 4 Pemantapan Sijil Professional
- 5 Pembudayaan Perkongsian Maklumat Melalui Komunikasi Digital
- 6 Penempatan Jangka Pendek Personel ICT di Agensi Terpilih Bagi Perkongsian Kemahiran

TERAS STRATEGIK 5

STRATEGI 2


02 Pemantapan Pengurusan Perubahan Keupayaan Digital

- 1 Menyediakan Pelan Pengurusan Perubahan Perkhidmatan Digital Yang Komprehensif Bagi Semua Perkhidmatan Digital Baharu
- 2 Melaksanakan Sesi Libat Urus Bagi Menjayakan Perkhidmatan Digital Baharu
- 3 Program Bimbingan Penggunaan Perkhidmatan Digital Kepada end user
- 4 Pemberian Galakan Dan Bantuan Bagi Penggunaan Perkhidmatan Digital

STRATEGI 3

03 Pemerksaan Budaya Digital Dalam Komuniti/Peduduk

- 1 Pelaksanaan Kolaborasi Strategik Bersama Komuniti/Penduduk/Orang Awam/NGO
- 2 Menyediakan Pusat Pengetahuan IoT (IoT Knowledge Center) Untuk Memulakan Ekosistem IoT di Klang
- 3 Lonjakan Perkhidmatan Digital Ke Arah Masyarakat Digital



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN MAMPAN

STRATEGI 1

Pemeriksaan Perkhidmatan Digital Berpacuan Teknologi Baharu

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P1	<p>Kajian Penilaian Keberkesanan/Penggunaan Sistem Aplikasi.</p> <p>Objektif Program</p> <p>Mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan sistem aplikasi bagi penambahbaikan fungsi sistem sejajar dengan keperluan terkini.</p>	2021	Laporan Keberkesanan iResponz 2.0
		2022	Laporan Keberkesanan Saluran Kutipan
		2023	Laporan Keberkesanan Penggunaan SPSM
			Laporan Keberkesanan GIS dan EIS dalam GES
			Laporan Keberkesanan KDMS dalam GES
		2024	Laporan Keberkesanan Penggunaan iKiosk
		2025	Laporan Keberkesanan Sistem ePenilaian Berasaskan Web disediakan
P2	<p>Pembangunan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Digital Baharu</p> <p>Objektif Program</p> <p>Pembangunan sistem aplikasid dan aplikasi mudah alih dirancang bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada stakeholder dan pelanggan Majlis</p>	2021	GES MPKlang siap dibangunkan
			9 Modul SKB siap dibangunkan
		2022	10 Modul SKB siap dibangunkan
		2023	13 Modul SKB siap dibangunkan
			Sistem Pengurusan Lesen dan Permit Bersepadu siap dibangunkan
			Sistem Pengurusan Sisa Pepejal siap dibangunkan
		2024	Sistem ePenilaian Berasaskan Web Siap dibangunkan
	Aplikasi Mudah Alih iKomuniti siap dibangunkan		




PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T1 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN MAMPAN

STRATEGI 1: Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Berpacuan Teknologi Baharu

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P3	Menaiktaraf Sistem Sedia Ada. Objektif Program Naiktaraf sistem aplikasi yang sedang diguna pakai mengikut keperluan semasa pengguna. Ianya melibatkan penambahan fungsi dan integrasi sistem aplikasi yang berhubungkait.	2021	Sistem eTempahan siap dinaiktaraf
		2023	Integrasi Sistem GES dengan Sistem Kutipan Hasil, SKB dan iPay siap dibangunkan
			Integrasi Sistem iResponz 2.0 dengan Sistem SISPAА dan iTegur siap dibangunkan
			Sistem myMeeting siap dinaiktaraf
		2024	Laman Web MPKlang siap dinaiktaraf
P4	Perluasan Perkhidmatan Digital Tanpa Tunai Objektif Program Dirancang bagi meningkatkan dan menyediakan perkhidmatan mod pembayaran tanpa tunai kepada pelanggan menerusi pelbagai saluran komunikasi	2021	Sistem Pembayaran Online (iPay) melalui FPX siap dibangunkan
			Aplikasi Mudah Alih SmartBooking siap dibangunkan
			Sistem Pemohonan dan Pembaharuan Lesen Online siap dibangunkan
			Sistem Pemohonan Permit Online siap dibangunkan
		2022	Perkhidmatan iKiosk di Enam Lokasi Disediakan
		2023	Sistem Perkhidmatan Digital Tanpa Tunai eWallet siap dibangunkan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN MAMPAN

STRATEGI 1

Pemeriksaan Perkhidmatan Digital Berpacuan
Teknologi Baharu

Program

Tempoh Pelaksanaan

Sasaran

P5

Pemeriksaan Teknologi
Pendigitalan Sistem
Penyampaian Perkhidmatan
E2E (End-To-End)

2021



Pelan Pelaksanaan E2E disediakan


2025



Sekurang-kurangnya 80% Perkhidmatan
Secara E2E Kepada Orang Awam dapat
disediakan

Objektif Program

Dirancang bagi menambah
perkhidmatan dalam talian
sepenuhnya kepada orang
awam iaitu perkhidmatan
dapat dicapai oleh
pelanggan tanpa berurusan
secara bersemuka



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DIGITAL BERSEPADU DAN MAMPAN

STRATEGI 2

Pemeriksaan Kepintaran Data Dalam Penyampaian Perkhidmatan Digital

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P1	<p>Pembangunan Analitis Data Raya</p> <p>Objektif Program</p> <p>Paparan dashboard ini akan dapat menyokong keperluan evidence-based decision making dan meningkatkan visualisasi data</p>	2024	Dashbord Bersepadu MPKlang siap dibangunkan
P2	<p>Penyelarasan dan Penyeragaman Data Asas Pelanggan Bersepadu</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi mewujudkan piawaian data pelanggan dan memastikan pematuhan piawaian dan integrity data</p>	2021	Pelan Tindakan disediakan
		2023	50% Penyeragaman Data Asas Pelanggan dilaksanakan
		2025	100% Penyeragaman Data Asas Pelanggan dilaksanakan
P3	<p>Pembangunan Inisiatif Data Terbuka</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi meningkatkan ketelusan penyampaian perkhidmatan MPKlang menerusi perkongsian data yang tepat dan relevan</p>	2025	Sekurang-kurangnya satu Set Data Terbuka siap diterbitkan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

STRATEGI 1

Pengukuhan Perkhidmatan Rangkaian ICT

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P1	Penaiktarafan Infrastruktur Sistem Rangkaian Komputer Objektif Program Dirancang bagi memastikan infrastruktur, pengurusan dan pemantauan rangkaian ICT adalah pada tahap ketersediaan yang tinggi (<i>High Availability</i>)	2021	Talian WiFi di 2 Lokasi selesai dinaiktaraf
		2022	Perkakasan Rangkaian (Mini Core Switch) di 5 Pejabat Cawangan selesai dinaiktaraf
			Talian WiFi di 7 Lokasi selesai dinaiktaraf
		2023	Naiktaraf Rangkaian di Pusat Data Ibu Pejabat selesai dilaksanakan
		2025	Sekurang-kurangnya 2 talian WiFi Baharu dipasang
P2	Pengukuhan Pengurusan Talian Internet dan Data Objektif Program Dirancang bagi memastikan capaian sistem aplikasi dan internet sentiasa tersedia dan pantas	Setiap Tahun	Laporan Penyelenggaraan Pencegahan dan Pembaikan disediakan
			Sekurang-kurangnya 6 Talian Internet/ Data tersedia
		2022	Laporan Pemusatan WiFi disediakan
P3	Penilaian Prestasi Sistem Rangkaian ICT Objektif Program Dirancang bagi melaksanakan penilaian terhadap prestasi semasa rangkaian MPKlang	2022	Laporan Kajian Keberkesanan/ Prestasi Capaian Terhadap Perkhidmatan Digital disediakan
		2023	Perisian Pemantauan Rangkaian NMS (<i>Network Monitoring Systems</i>), <i>Load Balancing</i> dan <i>Bandwith Management</i> dinaiktaraf



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

STRATEGI 2

Pemantapan Adaptasi Teknologi Digital

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P1	<p>Kajian Keperluan Adaptasi Teknologi Baharu (<i>Emerging Technologies</i>)</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi mengenal pasti teknologi baharu yang boleh diadaptasikan dalam memantapkan perkhidmatan infrastruktur digital MPKlang</p>	Setiap Tahun	<ul style="list-style-type: none"> > Laporan Kajian Perkakasan dan Perisian Adaptasi Teknologi Baharu (<i>Emerging Technologies</i>) disediakan > Laporan Kajian Ketersediaan Talian/Rangkaian Adaptasi Teknologi Baharu (<i>Emerging Technologies</i>) disediakan
P2	<p>Adaptasi Penggunaan Infrastruktur Digital Berteknologi Baharu</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi pelaksanaan perolehan infrastruktur digital yang bercirikan teknologi baharu seperti IoT dan AI</p>	Setiap Tahun	<p>Sekurang-kurangnya 1 Perolehan infrastruktur Digital Berteknologi Baharu dilaksanakan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Dron b) CCTV Berteraskan AI c) Access Door dengan teknologi AI d) Infrastruktur Rangkaian 5G

PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

STRATEGI 3

Pemantapan Infrastruktur Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
<p>P1</p> <p>Penyediaan Perkakasan dan Perisian ICT Selaras Dengan Teknologi Terkini</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi memastikan MPKlang menyediakan keperluan peralatan dan perisian ICT selaras dengan keperluan semasa pengguna</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> > Sekurang-kurangnya 1 Perolehan Perkakasan Komputer dilaksanakan > Sekurang-kurangnya 1 Perolehan Perisian Teknikal dilaksanakan > Pembaharuan Lesen Microsoft Office dan E-Mail Exchange dilaksanakan > Pembaharuan Lesen Backup Barracuda dilaksanakan > Pembaharuan Lesen Teknikal sedia ada dilaksanakan > Sekurang-kurangnya 1 Perolehan Perkakasan Alat Ganti Komputer/ Rangkaian/ Multimedia dilaksanakan > Laporan Pembaikan Peralatan ICT disediakan > Laporan Penyelenggaraan disediakan 2 Kali Setahun



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T2

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DAN ADAPTASI TEKNOLOGI DIGITAL

STRATEGI 3

Pemantapan Infrastruktur Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
---------	--------------------	---------

P2

Penilaian Prestasi Peralatan dan Perisian ICT

Objektif Program

Dirancang bagi menilai prestasi peralatan dan perisian ICT yang sedang digunakan di MPKlang

Setiap 2 Tahun

2 Laporan Kajian disediakan

P3

Pelaksanaan Pelupusan Aset ICT


Objektif Program

Dirancang bagi memastikan MPKlang melaksanakan proses pelupusan aset ICT mengikut jadual dan prosedur yang ditetapkan

Setiap Tahun

Laporan Pelupusan Aset ICT disediakan

- Perkakasan ICT
- Perisian ICT
- Sistem Aplikasi ICT
- Media Storan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL

STRATEGI 1

Pengukuhan Kawalan Keselamatan Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
---------	--------------------	---------

P1

Pemantauan dan Kawalan Keselamatan Perkhidmatan Digital MPKlang

Objektif Program

Dirancang bagi mengurangkan risiko yang tinggi terhadap pengguna akhir (end-user) dan aplikasi dalaman

Setiap Tahun



Pembaharuan Lesen End Point Detection and Response (EDR) dilaksanakan

2022



Web Application Firewall diguna pakai

P2

Pelaksanaan Penilaian Tahap Keselamatan Digital

Objektif Program

Dirancang bagi membolehkan pentadbir keselamatan mengenal pasti kelemahan dan peluang penambahbaikan terhadap perlindungan keselamatan digital

Setiap Tahun




Laporan Pelaksanaan Penilaian High Level Risk Assessment (HILRA) disediakan



Laporan Pelaksanaan Penilaian Keberkesanan Server dan Ujian Penembusan Keselamatan ICT disediakan



Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko dan Pemulihan Risiko disediakan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL

STARTEGI 1

Pengukuhan Kawalan Keselamatan Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
<p>P3</p> <p>Pemantauan dan Kawalan Keselamatan Perkhidmatan Digital MPKlang</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi melindungi kakitangan, perkakasan, perisian, rangkaian dan data daripada insiden yang menyebabkan kerugian atau kerosakan serius.</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<p>Laporan Penyelenggaraan/ Pembaikan Peralatan CCTV disediakan</p> <p>Sekurang-kurangnya 5 unit CCTV siap dipasang</p>
	<p>2021</p>	<p>Laporan Kajian Penaiktarafan Pusat Kawalan Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) disediakan</p> <p>Laporan Kajian Penaiktarafan Infrastruktur Sistem Keselamatan CCTV di Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan disediakan</p>
	<p>2022</p>	<p>Pemasangan Access Door dipasang di 5 jabatan (OSC : 1 unit, KEW : 3 unit, JKP : 2 unit, JPH : 1 unit dan JPB : 2 unit)</p> <p>Terminal Imbas dipasang di 4 lokasi (Tapak Semaian, Plaza MPK, Kubur Sg Sireh dan Pej. Caw. Raja Lumu)</p>
	<p>2023</p>	<p>Fasa 1 : Penaiktarafan Infrastruktur CCTV di 5 Lokasi siap dilaksanakan</p> <p>Terminal Imbas dipasang di 4 Lokasi (Kolam Renang, Stor Kejuruteraan, Perkuburan Jalan Johan Setia dan Krematorium)</p> <p>Laporan Kajian Pembangunan Pusat Kawalan Digital disediakan</p>
	<p>2024</p>	<p>Pemasangan Access Door di 3 jabatan (JBgn : 2 unit, JPN : 2 unit dan Jkes : 2 unit)</p> <p>Pusat Kawalan CCTV siap dinaiktaraf</p>
	<p>2025</p>	<p>Pusat Kawalan Digital siap dibangunkan</p>



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL

STRATEGI 2

Pengukuhan Perkhidmatan Keselamatan Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
<p>P1</p> <p>Pengukuhan Pusat Data</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi memastikan ketersediaan, kebolehpercayaan dan keselamatan pusat data sentiasa terjamin.</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> Ketersediaan Server Sebanyak 95% dalam tempoh setahun Laporan Penyelenggaraan UPS disediakan
	<p>2022</p>	<ul style="list-style-type: none"> Infrastruktur Sistem Kawalan Keselamatan Siap Dinaik taraf
	<p>2023</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penaiktarafan Server Selesai Dilaksanakan (Server Fizikal dan Virtual) Perolehan Server Sub Domain telah dilaksanakan
	<p>2024</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penaiktarafan UPS selesai dilaksanakan
<p>P2</p> <p>Pengukuhan Pusat Pemulihan Bencana (DRC)</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi penyediaan Pusat Pemulihan Bencana yang mempunyai daya tahan yang tinggi melalui kombinasi amalan terbaik dan penyediaan infrastruktur lengkap bagi meminimumkan sebarang risiko kegagalan.</p>	<p>2021</p>	<ul style="list-style-type: none"> Kertas Kelulusan Bagi Perolehan Server siap disediakan
	<p>2022</p>	<ul style="list-style-type: none"> Perolehan 1 Unit Server DRC dilaksanakan 2 Unit Perkakasan <i>Backup</i> dan <i>Recovery</i> digunakan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T3

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN DAN PEMATUHAN KESELAMATAN DIGITAL

STRATEGI 2

Pengukuhan Perkhidmatan Keselamatan Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
<p>P3</p> <p>Pembangunan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi membolehkan MPKlang mengembangkan keperluan sumber dengan mudah, mengekalkan fleksibiliti dan menjimatkan kos operasi pusat data.</p>	<p>2023</p>	<p>> Kertas Cadangan Bagi Perkhidmatan <i>Data Recovery As-A-Service</i> (DRAAS) disediakan</p>
		<p>> Kertas Cadangan Perkhidmatan Hybrid Private Cloud disediakan</p>
	<p>2025</p>	<p>> Perkhidmatan <i>Data Recovery As-A-Service</i> (DRAAS) selesai dilaksanakan</p>
		<p>> Sewaan Perkhidmatan Hybrid Private Cloud bagi keperluan infrastruktur pusat data selesai dilaksanakan</p>



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T4

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 1

Pemantapan Pengurusan Tadbir Urus Digital

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P1	Pengurusan Perkhidmatan Tadbir Urus Digital Objektif Program Dirancang untuk mengemaskini jawatankuasa digital sedia ada dan mewujudkan jawatankuasa digital baharu bagi memastikan peranan dan tanggungjawab jawatankuasa digital sentiasa memenuhi keperluan semasa.	Setiap Tahun >	Sekurang-kurangnya 4 kali mesyuarat Jawatankuasa ICT bersidang Sekurang-kurangnya 4 kali mesyuarat Jawatankuasa Laman Web bersidang Sekurang-kurangnya 1 kali mesyuarat Kajian Semula Pengurusan bersidang
		2021 >	Jawatankuasa Enterprise Architecture ditubuhkan
		2023 >	Jawatankuasa Analitik Data Raya ditubuhkan
P2	Rasionalisasi Penstrukturan Organisasi JTM Objektif Program Dirancang untuk menyemak semula peranan dan sedia ada disetiap bahagian di JTM dan juga merangka bidang tugas dan jawatan baharu berdasarkan keperluan semasa	2021 >	Laporan Naziran Perjawatan disediakan a) Semakan struktur organisasi b) Penambahan kakitangan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T4

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 1

Pemantapan Pengurusan Tadbir Urus Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
---------	--------------------	---------

P3

Penyemakan Semula MyPortfolio Kakitangan ICT

Setiap Tahun

MyPortfolio Kakitangan disemak

Objektif Program

Dirancang untuk memastikan kakitangan ICT memahami skop dan bidang tugas yang dipertanggungjawabkan.

P4


Pengukuhan Kemajuan Kerjaya Personel Pendigitalan

2023

Pelan Kemajuan Kerjaya Personel Pendigitalan dibangunkan

Objektif Program

Dirancang untuk membangunkan keupayaan dan professionalisme personel pendigitalan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan MPKlang berada di tahap efektif dan efisien



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T4

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 2

Pengukuhan Dan Penguatkuasaan Dasar, Polisi Serta Prosedur Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
---------	--------------------	---------

P1

Penyediaan Prosedur Dan Garis Panduan Baharu

2023



Garis Panduan Perolehan ICT sedia diguna pakai

2024



Garis Panduan Pelaksanaan Pengkomputeran Awan sedia diguna pakai

2025



Garis Panduan Insiden Rangkaian sedia diguna pakai

Objektif Program

Dirancang untuk memastikan pengurusan pendigitalan lebih sistematik dan efisien selaras dengan teknologi semasa yang berkembang.

P2

Penyemakan Semula Ke Atas Prosedur Dan Garis Panduan Sedia Ada


Setiap Tahun



Prosedur Kerja dikemaskini
a) Prosedur iSMS (28 Prosedur)
b) Prosedur Kerja (27 Prosedur)

Objektif Program

Dirancang untuk memantau dan mengemaskini prosedur dan garis panduan dari masa ke semasa bagi memastikan ianya selaras dengan keperluan semasa



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T4

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 2

Pengukuhan Dan Penguatkuasaan Dasar, Polisi Serta Prosedur Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
<p>P3</p> <p>Pelaksanaan Kawalan Dan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi memastikan kelancaran operasi jabatan yang berlandaskan keselamatan ICT dengan mencegah dan meminimumkan kerosakan atau kemusnahan aset ICT.</p>	<p>Setiap 2 Tahun</p>	<p>Semakan Dokumen Dasar Keselamatan ICT dilaksanakan</p>
<p>P2</p> <p>Pelaksanaan Audit Pensijilan</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang untuk memastikan keselamatan data dan maklumat adalah terpelihara dan dapat mengurangkan risiko dari pencerobohan maklumat</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Audit MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti disediakan Laporan Audit MS ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti disediakan Laporan Audit ISO/IEC 20000-1:2018 disediakan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 1

Pemantapan Kemahiran Dan Budaya Warga MPKlang

Program

Tempoh Pelaksanaan

Sasaran

P1

Pembangunan Pelan Latihan ICT yang Komprehensif

Setiap Tahun

Pelan Latihan ICT disediakan
a) Pelan Latihan Teknikal ICT
b) Pelan Latihan Kemahiran Warga Kerja MPKlang

Objektif Program

Dirancang bagi melahirkan tenaga pakar teknila dan berkemahiran di kalangan warga kerja MPKlang

P2

Pemantapan Kemahiran Dan Kepakaran Kepada Warga Kerja Teknikal ICT Melalui Latihan

Setiap Tahun

Latihan Pembangunan Sistem dilaksanakan

Latihan Pembaikan Peralatan ICT dilaksanakan


Latihan Keselamatan ICT dilaksanakan

Latihan Sistem Rangkaian Komputer dilaksanakan

Latihan Pensijilan Audit ICT dilaksanakan

Objektif Program

Dirancang bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran fungsian ICT



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 1

Pemantapan Kemahiran Dan Budaya Warga MPKlang

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P3	<p>Pemantapan Kemahiran Dan Kepakaran Warga Kerja MPKlang</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi meningkatkan penggunaan dan penguasaan sistem aplikasi warga MPKlang</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<p>4 latihan Pembangunan ICT dilaksanakan</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Latihan Penggunaan Sistem Aplikasi b) Program Kesedaran Keselamatan ICT c) Program Kepimpinan Digital d) Program Technology Update
P4	<p>Pemantapan Pensijilan Professional</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi menghasilkan warga kerja ICT yang berkemahiran dan professional dan mempunyai pensijilan dalam bidang yang diiktiraf d kalangan pegawai ICT MPKlang</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<p>Sekurang-kurangnya satu pensijilan professional diterima</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Pengauditan Pensijilan <i>Information Security Management System</i> (ISMS) b) Fundamental dan Pembangunan <i>Enterprise Architecture</i> (EA)



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 1

Pemantapan Kemahiran Dan Budaya Warga MPKlang

Program

Tempoh Pelaksanaan

Sasaran

P5

Pembudayaan Perkongsian Maklumat Melalui Komunikasi Digital

Setiap Tahun

Program Bulan Pembudayaan ICT dilaksanakan
a) Penggunaan Aplikasi Rasmu Majlis (Terkini)
b) Sesi Perkongsian Ilmu Trend ICT Terkini

Objektif Program

Diterapkan kepada warga MPKlang bagi meningkatkan kesedaran dan penggunaan perkhidmatan digital

Sekurang-kurangnya 2 hebahan dibuat melalui (Laman Web, Facebook, Twitter, Instagram, SMS atau E-Mail)

P4


Penempatan Jangka Pendek Personel ICT Di Agensi Terpilih Bagi Perkongsian Kemahiran

Setiap Tahun

Sekurang-kurangnya 1 kakitangan ditempatkan di agensi yang terpilih

Objektif Program

Dirancang bagi perkongsian kemahiran yang merupakan salah satu cara MPKlang melaksanakan perkongsian ilmu Bersama tenaga pakar dari lain-lain agensi



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 2

Pemantapan Pengurusan Perubahan Keupayaan Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
---------	--------------------	---------

P1

Menyediakan Pelan Pengurusan Perubahan Perkhidmatan Digital Yang Komprensif Bagi Semua Perkhidmatan Digital Baharu

Objektif Program

Dirancang bagi memberikan kefahaman yang jelas kepada penjawat awam mengenai perkhidmatan yang dilaksanakan oleh MPKlang.

Setiap 2 Tahun

Pelan Pengurusan Perubahan Perkhidmatan Digital disediakan

P2


Melaksanakan Sesi Libat Urus Bagi Menjayakan Perkhidmatan Digital Baharu

Objektif Program

Dirancang bagi mewujudkan wacana ilmiah dikalangan warga kerja Majlis dan komuniti secara dua hala mengenai transformasi digitak yang boleh diadaptasikan di dalam Majlis

Setiap Tahun

2 Sesi Libat Urus dilaksanakan
a) Bersama Warga MPKlang
b) Bersama Komuniti



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 2

Pemantapan Pengurusan Perubahan Keupayaan Digital

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
---------	--------------------	---------

P3

Program Bimbingan Penggunaan Perkhidmatan Digital Kepada End User

Objektif Program

Dirancang bagi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar secara hand-holding kepada pengguna perkhidmatan digital warga MPKlang atau dikalangan komuniti

Setiap 2 Tahun

Sekurang-kurangnya 2 Program Bimbingan Perkhidmatan Digital dilaksanakan

- Latihan Penggunaan Perkhidmatan Digital Kepada Warga MPKlang
- Latihan Penggunaan Perkhidmatan Digital Kepada Orang Awam/ Komuniti

P2

Pemberian Galakan Dan Bantuan Bagi Penggunaan Perkhidmatan Digital

Objektif Program


Dirancang bagi memastikan matlamat transformasi digital dapat disempurnakan, MPKlang mengambil pendekatan kaedah promosi dan pemberian insentif secara digital sekiranya perkhidmatan digital digunakan

Setiap Tahun

2 Kali Insentif Digital Pembayaran Kompaun Melalui Saluran Melalui Saluran Online dilaksanakan

1 Kali Insentif Digital Pembayaran Pembaharuan Lesen Melalui Online dilaksanakan

2 Kali Insentif Digital Pembayaran Pembaharuan Lesen Melalui Online dilaksanakan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN


T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 3

Pemeriksaan Budaya Digital Ke Arah Masyarakat Digital Dan Komuniti/ Penduduk

	Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
P1	<p>Kolaborasi Strategik Bersama Agensi/ NGO</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi membuka ruang bagi meningkatkan pembangunan bakat, jaringan global, kecekapan, daya saing dan sekaligus memacu ke arah masyarakat digital dan komuniti pintar.</p>	<p>Setiap 2 Tahun</p> <p>Setiap Tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> 1 Program Kolaborasi dilaksanakan 1 Program Penggunaan Perkhidmatan ICT dilaksanakan 1 Program Inisiatif Celik IT dilaksanakan 1 Pengiktirafan Kepada Komuniti Digital dilaksanakan
P2	<p>Menyediakan Pusat Pengetahuan IoT (IoT Knowledge Center) Untuk Memulakan Ekosistem IoT Di Klang</p> <p>Objektif Program</p> <p>Dirancang bagi memastikan masyarakat Klang tidak ketinggalan tren teknologi terkini.</p>	<p>2023</p> <p>Setiap Tahun</p>	<ul style="list-style-type: none"> Satu Pusat Pengetahuan IoT disediakan 1 Program Pengetahuan IoT dilaksanakan



PELAN PELAKSANAAN PENDIGITALAN

T5

PEMANTAPAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

STRATEGI 3

Pemeriksaan Budaya Digital Ke Arah Masyarakat Digital Dan Komuniti/ Penduduk

Program	Tempoh Pelaksanaan	Sasaran
<p>P3</p> <p>Lonjakan Perkhidmatan Digital MPKlang Ke Arah Masyarakat Digital</p> <p>Objektif Program</p> <p>Adaptasi dengan budaya digital dapat membantu dalam usaha mempercepat penghasilan transformasi di kalangan komuniti dan warga awam</p>	<p>Setiap Tahun</p>	<p>Sekurang-kurangnya tiga program dilaksanakan</p>

FAKTOR KRITIKAL

1

HALA TUJU ORGANASI

Penentuan hala tuju yang jelas, komitmen dan sokongan berterusan daripada pihak pengurusan atasan merupakan faktor penting dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program ICT dan keperluan sumber yang mencukupi.

2

KOMITMEN PASUKAN PROJEK

Pasukan projek memainkan peranan penting bagi merealisasikan pelaksanaan PSP MPKlang. Mereka perlu memastikan setiap program yang dirancang dilaksanakan dengan sebaiknya mengikut pelan pelaksanaan yang telah dirangka bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

3

KETERLIBATAN SEMUA PIHAK BERKEPENTINGAN


Semua pihak perlu sentiasa peka terhadap kepantasan perubahan teknologi seperti IR4.0. Majlis Perbandaran Klang sebagai peneraju perubahan dalam perkhidmatan awam perlu bersiap siaga ke arah pembaharuan pendigitalan, sentiasa ke hadapan serta pantas bergerak demi memartabatkan agenda perkhidmatan awam. MPKlang sentiasa menekankan tiga aspek iaitu integriti, kepantasan dan profesionalisme dalam memastikan perkhidmatan pendigitalan dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

PENUTUP

PSP MPKlang 2021-2025 merupakan dokumen yang mengandungi perancangan pendigitalan MPKlang secara menyeluruh sejajar dengan Pelan Strategik Majlis Perbandaran Klang 2022-2026. Pelan ini akan menjadi rujukan dalam melaksanakan projek pendigitalan MPKlang dalam tempoh tersebut.

Lima teras strategik pendigitalan yang telah dibentuk telah diperkukuhkan dengan 12 strategi dan 43 program pendigitalan. Cadangan bagi setiap program dan projek pendigitalan di MPKlang dirancang dengan lebih jelas dan strategik untuk dicapai. Di samping itu, ia akan memfokuskan kepada mewujudkan penyampaian perkhidmatan pendigitalan yang bersepadu, cekap dan berkesan melalui teknologi ICT terkini agar dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang secara berterusan kepada pelanggan MPKlang.

Dokumen ini hendaklah sentiasa dikaji semula dan dikemaskini dari masa ke semasa jika perlu, bagi memastikan ianya sentiasa relevan dan seterusnya menjadi pembolehdaya strategik kepada usaha MPKlang untuk mencapai visi Klang Bandaraya DiRaja dan Warisan Yang Mampan pada tahun 2026.





مجلس سدي كلنگ

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

MAJLIS PERBANDARAN KLANG 2021-2025

Jabatan Teknologi Maklumat
Bangunan Sultan Alam Shah, Aras M,
Jalan Perbandaran 41675 Klang
Selangor Darul Ehsan

www.mpklang.gov.my

